

Qalam

KDN 434

157 Rabī' al-Awwal 1383, Ogos 1963 60 sen

Persoalan Dua Isteri

Persoalan perkara beristeri lebih daripada satu dan perkara kemudahan-kemudahan perceraian bertahun-tahun lamanya telah menjadi persoalan yang hangat dibahas di dalam masyarakat kita. Perkara ini menjadi buah mulut yang tidak habis-habisnya, terutamanya dengan adanya peraturan perceraian yang ada di Singapura dan di Selangor.

Kita telah banyak memberi ulasan di dalam persoalan ini terutamanya terhadap adanya peraturan-peraturan yang pernah dijalankan pada masa-masa yang lalu mengenai perkahwinan lebih dari satu dan perkara yang diperundang-undangkan (1957) bahawa perceraian tidak boleh dilakukan melainkan dengan persetujuan isteri.

Peraturan yang dijalankan atau yang berjalan mengenai kahwin lebih daripada satu sehingga mengemparkan dahulu di Singapura adalah suatu peraturan, menurut pengertian kita, dijalankan tanpa undang-undang. Ia hanya suatu peraturan yang dijalankan bahawa seorang suami tidak boleh berkahwin dengan isteri yang lain melainkan dengan mendapat izin daripada isterinya yang ada dan setelah orang ramai menyedari dan daripada bidasan-bidasan kita yang kita datangkan,

al-hamduli'Lāh, peraturan yang nampaknya dijalankan dengan tidak

didasarkan undang-undang itu pun ditiadakan.

Ha...sekarang, perkara yang mengenai perkara kahwin lebih daripada satu ialah tentang kuasa *Chief Kadi* iaitu ia boleh meluluskan perkahwinan seseorang yang ada isteri setelah "ia berpuas hati bahawa ia (perkahwinan itu) tidak bertentangan dengan hukum syarak".

Yang mungkin timbul sekarang "adakah bertentangan dengan syarak, sesuatu perkahwinan lagi ini kalau keadaan (kehidupan orang itu) gajinya hanya sedikit jua?" Sepanjang yang diketahui bahawa sesuatu perkahwinan lagi, barangkali, yang dikehendaki dengan "berpuas hati tidak bertentangan dengan syarak" itu *Chief Kadi* berhak tidak meluluskan sesuatu perkahwinan apabila seseorang lelaki yang hendak berkahwin itu tidak besar atau difikirkan tidak dapat menyara hidup kedua-dua isterinya dengan kerana gajinya kecil.

Telah pernah kita bentangkan di dalam majalah ini bahawa sesuatu perkahwinan di dalam Islam itu tidaklah didasarkan di atas perkahwinan kebendaan semata-mata. Islam, cara peraturan hidupnya tidak semata-mata berpegang kepada kebendaan tetapi didasarkan kepada perserahan. Kesulitan-kesulitan hidup bukanlah dasar untuk jadi sesuatu sebab tetapi Islam menghendaki dan menegah sangat berlakunya sesuatu perzinaan. Bahaya besar kerana sesuatu yang terbit daripada zina itu boleh membawa kekotoran keturunan yang berkepanjangan. Sekatan-sekatan seperti itu adalah ditakuti akan menjadikan orang melakukan hal-hal yang tidak diinginkan.

Kerana sebab-sebab itu, untuk mencari penyelesaian di dalam soal ini janganlah diletakkan semata-mata ke atas mengubah kelulusan dan keringanan Tuhan tetapi aturlah sesuatu peraturan yang tidak bertentangan dengan hukum syarak, umpamanya di dalam bahagian-bahagian yang mengenai sosial atau kebajikan untuk keduanya, yang disetujui oleh syarak.

Umpamanya, di Singapura, ada peraturan yang diperundang-undangkan bahawa suatu perceraian tidak boleh dilakukan melainkan atas persetujuan seseorang isteri. Sedang syarak, meletakkan hak cerai itu kepada seseorang suami, kalau dalam masa ia berkahwin tidak bersyarat. Dengan sendirinya, menurut fikiran kita, undang-undang ini adalah berlawanan dengan syarak.

Kita mengetahui bahawa tujuan mengadakan undang-undang ini menghendaki supaya seseorang suami tidak akan melakukan perbuatan sewenang-wenang terhadap menceraikan isterinya. Untuk melaksanakan tujuan itu, menurut fikiran kita, tidaklah sepatutnya mesti diadakan suatu undang-undang yang menentang kelulusan syarak yang memberi hak perceraian itu kepada suami.

Untuk ini hendaklah dicari jalan lain, yang bakal menghukum seseorang suami akan membayar sesuatu atas isterinya dengan suatu ikatan bayaran yang dijanjikan yang ditangguhkan bayarannya hingga tiba saat bercerai dan ini sebagai suatu hutang dan hutang itu akan hapus sekiranya pihak yang lain (isteri) bersetuju menghalalkannya.

Walhasil banyak perkara yang boleh diadakan yang

bersesuaian dengan hukum syarak. Tetapi undang-undang yang bertentangan dengan hukum syarak yang dilakukan dan bakal diamalkan oleh orang-orang Islam seperti yang terkandung dalam Undang-undang Tahun 1957 mengenai perceraian hanya dengan persetujuan pihak isteri hendaklah dihapuskan.

Semoga hal-hal yang kita sebutkan menjadi iktibar dalam perkara hendak menguatkuasakan sesuatu undang-undang untuk perceraian.

Sambungan Kopi Pahit dari muka 2

Di Singapura ada Perpustakaan Kebangsaan yang sudah tentu di dalamnya banyak buku-buku Melayu tetapi malangnya, menurut punca-punca yang menyampaikan ini, bahawa di sana tidak ada seorang pun orang Melayu yang menjaga perpustakaan yang berkenaan dengan orang-orang Melayu. Yang menjaganya semuanya bukan orang Melayu dan bercakap Melayu pun hampir-hampir tidak sempurna. Jadinya.... tentunya perkara-perkara yang mengenai Melayu tentulah jadi sambil-sambil sahaja.

* * *

Selain itu Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura pula tatkala menulis surat kepada penerbit-penerbit Melayu, untuk mengadakan Pameran Buku-buku Kebangsaan menulis di dalam Bahasa Inggeris! Jadi orang bertanya: Apakah bahasa kebangsaan Bahasa Inggeris? Betul atau tidaknya boleh lihat suratnya sama.....

– Cemeti al-Farouk.